

Tengku Maimun yakin Anwar terus tegak kebebasan badan kehakiman

Ketua Hakim Negara tegaskan JAC mesti kekal bebas tanpa pengaruh, campur tangan luar

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah_mutalib@bh.com.my

Putrajaya: Ketua Hakim Negara, Tun Tengku Maimun Tuan Mat yakin pentadbiran di bawah Datuk Seri Anwar Ibrahim akan terus komited untuk menegakkan kebebasan badan kehakiman.

Mengasaskan pandangan itu berdasarkan kenyataan Anwar ketika menjadi pembangkang sebelum ini, Tengku Maimun berkata, Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman (JAC) yang bertanggungjawab melantik hakim mengikut Akta Suruhanjaya Pelantikan Kehakiman 2009 (JACA 2009) mesti kekal bebas tanpa pengaruh atau campur tangan luar.

Beliau berkata, mekanisme Akta 695 belum sempurna seperti yang dapat dilihat dalam perbincangan mengenainya di Parlimen, yang mana banyak isu dibangkitkan.

"Walaupun selepas diluluskan, banyak pihak termasuk Majlis Peguam mencadangkan perubahan untuk memperkukuh akta itu.

"Paling utama adalah kebimbangan Perdana Menteri masih mempunyai terlalu banyak kuasa dalam pelantikan hakim.

"Saya tidak berhasrat mengemukakan syor ketika ini. Saya mengetengahkan perkara untuk perhatian pihak yang hadir di sini mengenai kemungkinan penambahbaikan pada masa terdekat," katanya pada majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2025 di sini, semalam.

Tengku Maimun berkata, Anwar yang ketika itu Ketua Pembangkang melihat ada persepsi bahawa individu tertentu yang membuat keputusan memihak kerajaan dilantik sebagai hakim, yang mana berkait langsung dengan aspek asas kebebasan badan kehakiman.

"Anwar menyatakan bahawa JACA 2009 (dalam pandangannya) tidak mencukupi untuk memulihkan kebebasan badan kehakiman," katanya.

Beliau berkata, harapan tidak boleh diletakkan untuk orang ramai mempercayai badan kehakiman, tidak kira betapa komitednya hakim bekerja, jika wujud persepsi hakim dilantik atau dinaikkan pangkat berdasarkan kesediaan mereka untuk membuat keputusan memihak kepada kerajaan atau kepentingan perniagaan tertentu.

"Sejak 1988, baru kini kita berada di jalan pemulihan dari segi persepsi terhadap kebebasan. Kebetulan pula, 15 tahun yang lalu, sebelum Akta 695 dikuatkuasakan, pemimpin pembangkang ketika itu membuat kenyataan seperti tercatat dalam hansard mengenai pelantikan hakim dan kebebasan kehakiman.

"Saya yakin, sebagai Perdana Menteri, Anwar (ketua pembangkang ketika itu) dan kerajaannya kini akan tetap berpegang kepada kenyataan itu dengan terus



Tengku Maimun bersama hakim pada Majlis Pembukaan Tahun Perundangan 2025 di Putrajaya, semalam.

(Foto BERNAMA)

komited tanpa ragu-ragu untuk menegakkan perjuangan kebebasan kehakiman," katanya.

Luah isi hati

Menjelang persaraan wajib pda Julai ini selepas mencapai usia 66 tahun, Tengku Maimun buat kali pertama meluahkan isi hatinya mengenai pelbagai cabaran yang terpaksa diharungi sejak menjawat jawatan itu pada 2019.

Katanya, beliau turut menjadi mangsa fitnah dan dilabel tidak Islam, malah ada pihak menggunakan suaminya sebagai alasan untuk menyetepikan beliau daripada mendengar prosiding mahkamah.

Bagaimanapun, katanya, semua itu tidak menghalang beliau untuk menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya.

"Saya dikritik, difitnah, dilabel sebagai tidak Islam atau musuh

Islam dan suami (secara tidak adil) digunakan terhadap saya dalam beberapa permohonan bukan sahaja untuk meminta saya diketepikan (bagi mengadili perbicaraan) tetapi secara lebih umum untuk memalukan saya dan rakan saya.

"Tiada satu pun daripada mereka yang akan atau pernah dapat menembusi ujian hati nurani saya dan segala puji bagi Allah, saya tidak pernah bimbang disebabkan komen ini.

"Saya di sini menjalankan tugas dan komited sepenuhnya untuk melaksanakannya dengan betul. Saya tidak akan tunduk kepada mana-mana individu, tidak kira setinggi mana mereka, untuk melakukan apa yang dituntut mereka daripada saya," katanya.

Beliau yang mencatat sejarah sebagai wanita pertama dilantik ke jawatan itu, mengangkat sum-

pah sebagai Ketua Hakim Negara pada 6 Mei 2019.

Tengku Maimun berkata, beliau tidak akan merendahkan dirinya untuk tunduk kepada serangan keji seumpama itu.

"Satu-satunya respon saya kepada mereka adalah bagi anda yang mempunyai masa untuk mempersoalkan iman orang lain, adakah anda cukup yakin bahawa Allah menerima ibadah dan amalan anda sehingga anda kini boleh mempersoalkan ibadah saya dan orang lain?"

"Saya menantikan persaraan ini kerana benar-benar percaya yang akan meninggalkan badan kehakiman dalam keadaan lebih baik berbanding ketika rakan sekerja dan saya mula memimpinya, dengan ruang untuk meluaskan lebih banyak masa cucu dan mendalami lagi hubungan dengan keimanan," katanya.